


An illustration featuring a mother and father dressed as ninjas. The mother, in the upper right, wears a red hijab and orange long-sleeved shirt, leaping through the air with a sword. The father, in the lower left, wears a grey hijab, a white button-down shirt with a red tie, and purple trousers, holding two swords in a ready stance. They are positioned in front of a traditional East Asian building with a green tiled roof and yellow windows. The background is a dark, stormy sky with purple lightning and falling shuriken. A gnarled tree is visible on the right side.

Ibu dan Ayahku Ninja

M Azri Abdul Karim

Mata Nabil dan Nabilah masih lagi **terpaut** pada rancangan televisyen. Dokumentari memang rancangan kegemaran mereka. Dokumentari yang sedang ditonton oleh mereka berdua itu ialah tentang 'Ninja'.

"Seorang Ninja akan melakukan segala tugasnya dengan senyap, tanpa pengetahuan sesiapa pun. Semua tugas akan diselesaikan dengan cepat dan berkesan. Seorang Ninja memang lincah dan ligat," jelas pengacara di siaran dokumentari tersebut.

Nabil dan Nabilah terus terpaku di tempat duduk mereka.


"Nabil, Nabilah, marilah makan. Matikan televisyen itu dahulu," Puan Natasha sengaja menyaringkan suaranya agar dapat menarik perhatian anak-anaknya itu.

Memang setiap hari Ahad, Nabil dan Nabilah akan berpeluang untuk menonton televisyen setelah selesai semua kerja sekolah mereka.

"Hari Rabu nanti, Ayah dapat tahu yang kamu berdua akan menghadiri perkhemahan bersama sekolah

kamu. Sudah bersediakah?" tanya Tuan Nazri. Nabil dan Nabilah saling berpandangan.

Tuan Nazri dan Puan Natasha tersenyum. Mereka faham mengapa mereka berkelakuan sedemikian. Maklumlah, ini kali pertama Nabil dan Nabilah akan bermalam di suatu tempat tanpa kehadiran Ibu dan Ayah mereka.



Nabil **mencelah**, "Jangan risau, Ayah. Kita mampu melakukannya. Bukankah kita sudah pelajari cara menyesuaikan diri, seperti seorang 'Ninja'?"

Ruang dapur dipenuhi dengan gelak tawa seisi keluarga. Pecah perut Tuan Nazri dan Puan Natasha melihat **gelagat** anak lelaki mereka itu. Nabilah juga turut terhibur.



Keesokan hari di dalam kelas, Cikgu Amran memberikan **taklimat** mengenai Perkhemahan Darjah 5.

Nabilah hanya bermuram sahaja. Dia masih lagi memikirkan keadaan bermalam tanpa Ibu dan Ayahnya. Nabil pula baru mula menyedari tentang kenyataan tersebut.

“Siapa yang akan membacakan buku untukku sebelum tidur nanti?” bisik hati kecil Nabil. “Kalau aku tidak boleh tidur, siapa yang akan menenangkan diriku?” Nabilah menjadi risau teringatkan perkara itu.

Hari yang dinanti-nantikan telah tiba. Nabil dan Nabilah mencekalkan hati untuk turut serta juga. Sedang mereka sibuk beratur untuk menunggu giliran menaiki bas, rakan mereka, Andri, menghampiri mereka.



“Tahukah kamu bahawa di tapak perkhemahan itu, banyak kisah-kisah misteri yang telah dilaporkan? Bapa saya memberitahu yang selalunya pada waktu malam, akan kedengaran bunyi-bunyi serta suara-suara yang aneh,” kata Andri dengan suara yang **sinis**.


Nabilah hanya mampu memegang tangan Nabil dengan erat pada waktu itu. Kaki mereka seperti ingin patah balik ke rumah, namun mereka tidak mahu mengecewakan Ibu dan Ayah mereka.

Setibanya di tapak perkhemahan, semua murid disambut baik oleh sekumpulan fasilitator, yang akan menjadi **penyelia** bagi perkhemahan tersebut. Semua aktiviti murid-murid akan dijalankan oleh kumpulan fasilitator tersebut.



Nabil dan Nabilah terus melihat sekeliling tempat tersebut. Meskipun mereka masih berasa gelisah, mereka dapat melupakan semua itu buat seketika kerana tumpuan mereka telah beralih kepada semua aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan. Antara aktiviti-aktivitinya ialah 'abseiling', 'rock-climbing', 'dragon-boating' dan lain-lain lagi. Tidak sabar rasanya untuk mereka mencuba kesemua aktiviti tersebut.

Malam mula menggantikan siang. Semua murid telah diberikan arahan untuk berehat. Hati Nabil tidak senang. Seperti ada sesuatu yang tidak kena.



Nabil terus menggosok-gosok matanya, tetapi tidak dapat tertidur juga. Kegelisahan mula **mencengkam** hati Nabil. Nabilah juga sedang menghadapi keadaan yang sama, walaupun di bilik yang berlainan. Mereka melihat ke arah bumbung bilik masing-masing sambil mencari jawapan.

Dengan tidak semena-mena, suasana yang sunyi sepi diisikan dengan bunyi seperti tangisan. Lebih jelas lagi, tangisan seorang bayi! Sesiapa yang belum dapat tidur pada waktu itu pasti akan mendengar ‘bunyi’ tersebut kerana ia jelas dan berpanjangan.

Nabil dan Nabilah, yang kebetulan belum dapat tertidur di bilik masing-masing, terdengar tangisan tersebut. Kata-kata Andri mula bermain di fikiran mereka berdua.

“Di manakah Ibu dan Ayah sekarang?” keluh Nabil dalam hati. Barulah mereka menyedari betapa pentingnya kehadiran keluarga. Nabil dan Nabilah juga mula teringat betapa penat Ibu dan Ayah mereka setelah pulang bekerja seharian dan masih lagi perlu melayan **kerenah** mereka di rumah.



“Ibu dan Ayah ialah ‘Ninja’ kami yang sebenarnya! Mereka lincah, ligat, ikhlas dan tidak pernah mengecewakan. Oh ‘Ninjaku’, tolonglah kami sekarang!” Nabilah merintih dalam diam.

Keesokan harinya, Nabil dan Nabilah terasa berat untuk menyertai aktiviti-aktiviti di perkhemahan itu. Badan mereka tidak bermaya dan muka mereka pucat seperti mayat. Semuanya **gara-gara** bunyi tangisan bayi itu!

Cikgu Amran memerhatikan mereka dan dapat merasakan ada sesuatu yang mengganggu mereka. Dia pun menghampiri Nabil dahulu dan kemudian mendengar penjelasan Nabilah pula.

“Apa? Tangisan bayi yang berpanjangan?” teriak Cikgu Amran. “Kita mesti siasat perkara ini. Kamu berdua mahu menolong Cikgu?” Cikgu Amran bertanya kepada Nabil dan Nabilah. “Kami sudah siap sedia, Cikgu!” jawab Nabil dan Nabilah serentak.



Acara kemuncak untuk setiap perkhemahan ialah acara unggun api. Andri dan Adam tidak mahu melepaskan peluang ini. Mereka meminta izin untuk ke tandas sewaktu acara unggun api sedang berlangsung. Mereka mempunyai rancangan tersendiri.

“Adam, ada orang mahu masuk ke tandas. Cepat!” kata Andri. Adam pun **menyelubungi** dirinya dengan kain putih dan bersembunyi.

“Satu, dua, tiga! Aaargh!” Adam melompat keluar sambil menjerit sekuat hatinya.

Suasana tiba-tiba menjadi tegang. Adam terdiam sementara Andri pula tidak sempat menekan butang alat pembesar suara untuk memainkan bunyi tangisan bayi yang telah mereka rakamkan.

“Saya mahu jumpa kamu berdua di luar tandas sekarang!” suara Cikgu Amran menengking Andri dan Adam memecahkan kesunyian malam di tapak perkhemahan itu.

Akhirnya, apa yang dianggap sebagai sebuah ‘misteri’ ternyata hanyalah permainan Andri dan Adam



sahaja. Nabil dan Nabilah lega. Pada malam itu, mereka dapat tidur dengan nyenyak. Mereka tidak sabar untuk pulang keesokan harinya.

Bagi Andri dan Adam pula, mereka berharap yang malam itu tidak akan berakhir. Mereka tidak tahu bagaimana untuk menjawab dengan keluarga masing-masing apabila Cikgu Amran mengadukan hal itu esok.

Nabil dan Nabilah terus berlari ke arah Tuan Nazri dan Puan Natasha apabila mereka sudah dibenarkan

pulang. Mereka memeluk Ibu dan Ayah mereka dengan erat, seperti tidak pernah dilakukan sebelum ini.

“Terima kasih Ibu dan Ayah atas segala yang telah dilakukan untuk kami berdua. Baru kami sadar betapa susahnyanya cabaran Ibu dan Ayah pada setiap hari,” kata Nabil dengan penuh ikhlas.


Tuan Nazri dan Puan Natasha hanya mampu tersenyum. Mereka terharu sehingga tidak mampu mengeluarkan sebarang kata-kata.

“Kami sayang sekali dengan Ibu dan Ayah. Ibu dan Ayah, ‘Ninja’ kami sebenar!” luah Nabilah.



Glosari

terpaut	tertarik kepada sesuatu
mencelah	memotong cakap orang; menyampuk
gelagat	gerak-geri / tingkah laku
taklimat	penerangan ringkas tentang sesuatu
kerenah	ragam, tingkah
sinis	mengejek / menyindir
penyelia	pengawas suatu keadaan
mencengkam	menguasai
gara-gara	akibat
menyelubungi	menggunakan kain untuk menutup



Trivia



Tahukah kamu tentang senjata yang sering dikaitkan dengan seorang 'Ninja'? Ia dinamakan 'shuriken' dan ia selalunya berbentuk bintang dan perlu dicampak ke arah musuh.



Aktiviti Bersama Keluarga

Berbarbeku merupakan antara kegiatan yang akan dilakukan murid-murid semasa Perkhemahan Darjah Lima. Mereka akan diajar untuk menghidupkan api dan kemudian, membakar makanan yang telah disediakan. Sebagai aktiviti susulan, ahli keluarga boleh menyediakan satu hidangan mudah bersama-sama. Anda boleh menonton video menerusi pautan ini untuk mengetahui cara-cara menyediakan beberapa hidangan mudah bersama keluarga:

<https://bit.ly/3bkchsz>

Dengan menyediakan hidangan bersama, ia akan secara tidak langsung memberi peluang untuk ahli keluarga bekerjasama dan meluangkan masa bersama. Selamat mencuba!

